

## Kesan Pembelajaran Koperatif Terhadap Konsep Kendiri Akademik Di dalam Pendidikan Perakaunan

SUHaida ABDUL KADIR, ZAIDATOL AKMALIAH LOPE PIHIE,  
NORAN FAUZIAH YAAKUB, HABIBAH ELIAS & ROHANI AHMAD TARMIZI

*Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia*

**Kata kunci:** Konsep kendiri akademik, pendidikan perakaunan, strategi pembelajaran koperatif

### ABSTRAK

Konsep kendiri akademik merupakan persepsi individu terhadap kebolehan dirinya dalam bidang akademik. Pemupukan konsep kendiri positif dalam diri pelajar adalah penting kerana konsep kendiri akademik yang tinggi akan membina keyakinan diri terhadap pencapaian cemerlang. Kajian di luar negeri menunjukkan pembelajaran koperatif berupaya meningkatkan konsep kendiri pelajar. Pada masa kini, strategi pembelajaran berkumpulan ini juga mula mendapat perhatian dalam sistem pendidikan Malaysia. Bagaimanapun, kajian berbentuk empirik untuk mengukur keberkesanan strategi tersebut dalam konteks Malaysia sangat berkurangan. Kertas kerja ini melaporkan dapatan kajian berbentuk eksperimen yang dijalankan di peringkat sekolah menengah. Kajian ini membandingkan strategi pembelajaran koperatif dengan strategi tradisional terhadap konsep kendiri akademik dalam pendidikan perakaunan. Persepsi pelajar terhadap pelaksanaan strategi pembelajaran koperatif diperoleh melalui soalan terbuka yang berstruktur. Dapatan kajian menunjukkan konsep kendiri akademik pelajar kumpulan pembelajaran tradisional lebih tinggi berbanding kumpulan pembelajaran koperatif. Namun begitu, data kualitatif yang diperoleh menjelaskan dengan lebih terperinci pengalaman positif yang dilalui oleh pelajar. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa strategi pembelajaran koperatif sesuai dilaksanakan di Malaysia.

### ABSTRACT

Academic self-concept is the individual's perception of his/her ability in academic field. Developing students with positive self-concept is important because high academic self-concept will help students to build confidence on high achievement. Researches abroad showed that cooperative learning is able to increase student self-concept. Right now, group learning strategy has been used in the Malaysian educational system. However, only a few empirical studies have been conducted to measure the effectiveness of the strategy in the Malaysian context. This paper reports the finding of an experimental study that was conducted at secondary schools. This study compared cooperative learning strategy with conventional strategy toward academic self-concept in accounting education. Students' perception of the implementation of cooperative learning strategy was obtained through structured open ended questions. The result of the study showed that academic self-concept of students in conventional learning groups was higher compared to cooperative learning groups. Nevertheless, qualitative data that were obtained explained in detail students' positive experiences. The implication of the study showed that cooperative learning strategy is suitable for implementation in Malaysia.

### PENDAHULUAN

Konsep kendiri boleh diterangkan sebagai persepsi diri sendiri dari segi sikap, perasaan, pengetahuan tentang kebolehan, kemahiran, penampilan dan penerimaan sosial (Byrne 1984).

Shavelson, Hubner dan Stanton (1976) pula berpendapat konsep kendiri merupakan persepsi individu yang terbentuk melalui pengalaman yang dilalui. Persepsi tersebut banyak dipengaruhi oleh galakan daripada persekitaran,

orang penting bagi seseorang individu tersebut dan atribusi yang dibuat oleh individu terhadap tingkah lakunya sendiri. Konsep sendiri dikatakan tidak wujud sebagai satu entiti di dalam diri individu. Sebaliknya ia lebih kepada satu konstruk yang digunakan untuk menerangkan dan meramalkan tingkah laku individu. Antara definisi lain, konsep sendiri dianggap sebagai satu sistem kepercayaan yang kompleks dan dinamik yang dipegang sebagai satu kebenaran oleh seseorang individu tentang dirinya apabila setiap kepercayaan mempunyai nilai tertentu (Purkey 1970: 7).

#### *Peranan Konsep Kendiri dalam Proses Pendidikan*

Purkey (1970) telah mengemukakan konsep sendiri pelajar dari perspektif teoritikal. Pelajar mempunyai konsep sendiri yang menentukan nilai positif dan nilai negatif bagi setiap perkara untuk diri mereka. Konsep sendiri mereka juga membentuk cara tersendiri dalam mengangap kejayaan dan kegagalan yang dialami. Pelajar yang sering mengalami kegagalan memiliki konsep sendiri yang sukar untuk menerima hakikat bahawa mereka juga boleh berjaya.

Persoalan yang timbul di sini ialah adakah konsep sendiri mempunyai perkaitan dengan pencapaian pelajar? Grobler, Grobler, dan Esterhuysen (2001) mendapati bahawa wujudnya korelasi antara konsep sendiri matematik dan konsep sendiri akademik dengan prestasi matematik di kalangan pelajar lelaki rendah pencapaian dalam matematik. Ini bermakna konsep sendiri rendah dikaitkan dengan pencapaian akademik rendah. Apa yang jelas adalah wujud hubungan positif antara konsep sendiri akademik dan pencapaian pelajar (Marsh, Byrne dan Shavelson 1988).


Menurut Purkey (1970) lagi, pelajar akan berkelakuan tertentu dan membuat sesuatu tindakan yang menggambarkan konsep sendiri mereka. Berdasarkan pandangan tersebut, konsep sendiri pelajar itulah yang akan sentiasa mereka pegang selepas tamat persekolahan. Dalam kajian yang dijalankan untuk mengenal pasti konsep sendiri di kalangan pelatih institusi pemulihan kebajikan, Sidek dan Adnan (2000) mendapati 112 (72.7%) pelatih yang terdiri daripada golongan remaja mempunyai konsep sendiri rendah. Sidek dan Adnan mengaitkan konsep sendiri rendah tersebut dengan tingkah laku yang melanggar undang-undang yang dilakukan oleh remaja tersebut. Implikasi

dapatan kajian itu menunjukkan betapa perlunya proses pendidikan untuk memberi perhatian kepada perkembangan konsep sendiri positif di kalangan pelajar.

Walau bagaimanapun, konsep sendiri tersebut akan berubah sekiranya keadaan persekitaran menggalakkan peningkatan konsep sendiri (Purkey 1970). Slavin (1990) berpendapat strategi pembelajaran koperatif (PK) menyebabkan pelajar merasakan diri mereka lebih disukai oleh rakan-rakan dan lebih berkeyakinan dalam pelajaran mereka. Perasaan disukai dan berkeyakinan itu merupakan ciri konsep sendiri. Strategi PK adalah salah satu strategi pembelajaran yang melibatkan kerja berkumpulan secara terancang dengan penglibatan minimum guru.

Model Penyebab telah dibentuk bagi menerangkan kesan PK ke atas pencapaian dengan melihat aspek konsep sendiri dan matlamat akademik (*Rajah 1*). Lynch (1991) mencadangkan model tersebut berdasarkan dapatan kajian lepas yang mendapati terdapat hubungan antara ciri saling bergantung yang positif dengan identiti pelajar sebagai ahli kumpulan. Ciri saling bergantung yang positif juga didapati mempunyai hubungan dengan matlamat individu yang selari dengan matlamat kumpulan. Dari sudut psikologi kognitif, matlamat individu mempengaruhi tahap keupayaan pelajar untuk belajar. Seterusnya kajian lepas juga menunjukkan terdapat hubungan antara proses kognitif dengan aspek motivasi.

Lynch (1991) telah menjalankan satu kajian bagi menyokong model penyebab yang beliau kemukakan. Dalam kajian tersebut, seramai 98 pelajar sekolah menengah atas terlibat dengan PK yang dikendalikan oleh guru kelas. Guru tersebut telah mengikuti kursus PK yang dibuat selepas waktu persekolahan. Soal selidik yang mengukur kesan PK ke atas konsep sendiri akademik dan matlamat akademik diedarkan sebagai praujian dan pascaujian. Pendedahan pelajar terhadap PK diukur melalui skala yang dicatat oleh pelatih PK terhadap kemahiran guru dalam PK dan jumlah masa yang pelajar luangkan bersama guru mereka. Pencapaian pelajar diukur dengan *Regency Competency Test (RCT)* iaitu satu ujian bagi melayakkan pelajar menerima diploma sekolah menengah atas. Walau bagaimanapun hanya 59 orang yang menjadi sampel kajian kerana mereka telah mengisi semua soal selidik dan mengambil RCT.



Rajah 1: Model penyebab (Lynch 1991)

Dengan menggunakan teknik analisis laluan (*path analysis*) dapatan kajian menunjukkan PK mempengaruhi pencapaian pelajar dengan perantaraan konsep kendiri dan matlamat akademik. Analisis regresi menunjukkan konsep kendiri pelajar yang banyak melibatkan diri dalam PK lebih tinggi berbanding pelajar yang kurang melibatkan diri dalam PK. Kajian ini juga menunjukkan konsep kendiri mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Namun begitu, metodologi kajian tidak diterangkan secara terperinci. Jangka masa eksperimen yang dijalankan tidak dinyatakan dan bilangan subjek agak kecil.

#### *Kesan Pembelajaran Koperatif Terhadap Konsep Kendiri*

Kajian berkenaan dengan kesan PK terhadap konsep kendiri mendapat perhatian di kalangan penyelidik PK. Di peringkat institusi pengajian tinggi, Gnagery, Sarles dan Sarver (1997) ingin menentukan hubungan antara penilaian pelajar ke atas keberkesannya sebagai ahli pasukan STAD dengan beberapa pembolehubah dalam kursus Psikologi Pendidikan yang berbentuk kolaboratif. Hipotesis kajian ini menjangka penilaian diri oleh pelajar akan mempunyai hubungan yang positif dengan penilaian ke atas dirinya oleh rakan sepasukan, penilaian ke atas rakan sepasukan oleh pelajar tersebut, penilaian terhadap kursus, penilaiannya terhadap keputusan motivasi pengajar dan ke atas pencapaian pelajar itu sendiri.

Seramai 154 pelajar di dalam empat kumpulan kursus psikologi pendidikan terlibat dalam kajian ini. Pembahagian pelajar kepada kumpulan mengikut prosedur pendaftaran pelajar yang biasa. Bermula minggu kedua,

pelajar diagihkan kepada lapan kumpulan yang heterogen menggunakan senarai kelas yang disusun mengikut skor yang diperoleh daripada kuiz. Kuiz terdiri daripada 30 soalan yang meliputi bab pertama dalam buku teks.

Alat kajian yang digunakan bagi penilaian diri ialah *Team Member Performance Appraisal* (TMPA) yang menggunakan skala Likert lima mata berpandukan ciri kehadiran dalam perjumpaan pasukan, sumbangan idea, menyiapkan tugas, mewujudkan perasaan positif di kalangan ahli pasukan dan menggalakkan rakan sepasukan meluahkan sesuatu. Pelajar membuat penilaian ke atas dirinya dan rakan sepasukan menggunakan alat kajian ini. Bagi menilai keberkesanan kursus tersebut, *University Course Rating Scale* (UCRS) yang mengandungi 12 item digunakan. Pencapaian pelajar dinilai dengan ujian yang mengandungi 60 item soalan pelbagai pilihan (*multiple choice*). Penilaian terhadap motivasi pengajar dinilai menggunakan *TARGETT Rating scale*.

Walaupun semua hipotesis yang dikemukakan berjaya disahkan namun kajian ini tidak menggunakan definisi operasional konsep kendiri yang kukuh seperti dalam kajian lain. Semasa membuat rumusan, penyelidik menganggap penilaian diri pelajar merupakan konsep kendiri. Maka kesahan alat kajian tersebut sebagai mengukur konsep kendiri boleh dipersoalkan.

Terdapat juga kajian yang menunjukkan tiada perbezaan konsep kendiri pelajar antara kumpulan PK dengan kumpulan kawalan. Antaranya ialah kajian yang dijalankan ke atas 266 orang pelajar sekolah rendah Kristian (Jacobs, Watson dan Sutton 1996). Kajian ini membandingkan pencapaian matematik,

persahabatan, sikap terhadap matematik dan konsep sendiri pelajar antara kumpulan teknik STAD dengan kumpulan pembelajaran tradisional. Hanya pencapaian matematik bagi kumpulan PK sahaja yang menunjukkan perbezaan yang signifikan. Manakala kesan afektif yang lain termasuk konsep sendiri tidak banyak berbeza antara kedua-dua kumpulan. Kajian ini menggunakan alat kajian yang dibentuk sendiri untuk mengukur kesan afektif. Didapati alat kajian tersebut mempunyai kebolehppercayaan yang agak rendah. Justeru itu, salah satu faktor yang menyebabkan konsep sendiri tidak menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan adalah kelemahan alat kajian yang diguna.

Begitu juga dengan kajian yang dilakukan ke atas dua kelas pelajar berkebolehan rendah di sekolah menengah atas (Allen dan VanSickle 1984). Kajian ini bertujuan untuk menentukan kesan teknik STAD ke atas pencapaian pelajar dalam mata pelajaran geografi dan konsep sendiri mereka selama enam minggu. Alat kajian yang digunakan adalah 100 soalan pelbagai pilihan yang merangkumi tajuk yang dipelajari dan *Coopersmith Self-Esteem Inventory* bagi mengukur konsep sendiri. Dapatan kajian menunjukkan walaupun terdapat perbezaan yang signifikan di dalam pencapaian pelajar kumpulan PK tetapi tidak bagi aspek konsep sendiri.

Allan dan VanSickle (1984) berpendapat ianya mungkin disebabkan tempoh masa enam minggu tidak cukup untuk menunjukkan perbezaan yang ketara. Selain daripada itu, alat kajian konsep sendiri yang digunakan juga lebih kepada mengukur konsep sendiri pelajar secara umum. Sedangkan menurut Marsh (1992), pencapaian pelajar mempunyai korelasi yang lebih kukuh dengan konsep sendiri akademik berbanding konsep sendiri secara umum. Justeru itu, untuk mengukur konsep sendiri akademik secara khusus memerlukan alat kajian yang mengukur aspek akademik secara khusus.

Berdasarkan perbincangan kajian sebelum ini, dapatlah dirumuskan bahawa tidak dinafikan PK memberi kesan positif kepada konsep sendiri pelajar. Namun begitu bagi mengukur perubahan itu perlu diambil kira aspek tempoh pelaksanaan PK serta alat kajian konsep sendiri yang digunakan.

### OBJEKTIF KAJIAN

Memandangkan konsep sendiri merupakan salah satu elemen penting dalam melahirkan individu

seimbang selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, maka kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti strategi pengajaran dan pembelajaran yang berupaya meningkatkan konsep sendiri akademik pelajar. Terdapat kajian di luar negara menunjukkan bahawa strategi pembelajaran koperatif dapat berupaya meningkatkan konsep sendiri pelajar. Namun begitu, dapatan yang diperoleh adalah tidak konsisten. Justeru itu, objektif kajian ini ialah untuk membandingkan keberkesanan pembelajaran koperatif dengan pembelajaran tradisional terhadap konsep sendiri akademik dalam pendidikan perakaunan.

### KAEDAH PENYELIDIKAN

Kaedah penyelidikan adalah berbentuk kuasi eksperimen yang melibatkan 208 pelajar yang mengambil mata pelajaran prinsip akaun di peringkat sekolah menengah. Sebanyak lima kelas ( $n=122$ ) dijadikan sebagai kumpulan pembelajaran koperatif (PK) dan empat kelas ( $n=86$ ) sebagai kumpulan pembelajaran tradisional atau kumpulan kawalan (PT). Eksperimen dijalankan selama lapan minggu pada semester kedua sesi persekolahan. Berdasarkan tinjauan kajian yang dilakukan oleh Slavin (1983), beliau berpendapat eksperimen yang dijalankan sekurang-kurangnya selama dua minggu sudah memadai untuk menentukan kesan pembelajaran koperatif terhadap pencapaian. Maka, pengkaji menetapkan tempoh selama lapan minggu sebagai tempoh yang sesuai dengan mengambil kira tempoh yang paling lama bagi sesuatu eksperimen untuk dijalankan secara berterusan di sekolah tanpa banyak gangguan faktor lain seperti cuti pertengahan semester dan peperiksaan akhir semester.

#### Alat Kajian

Alat kajian yang digunakan untuk mengukur konsep sendiri akademik ialah Soal Selidik Konsep Kendiri Akademik (SKKA). Alat kajian ini adalah terjemahan daripada alat kajian *Academic Self-Descriptions Questionnaire (ASDQ)* yang dibentuk oleh Marsh (1990). Alat kajian ASDQ dipilih kerana dibina berdasarkan Model Marsh dan Shavelson yang menerangkan bahawa konsep sendiri adalah bersifat pelbagai dimensi. Di dalam kajian ini, alat kajian SKKA digunakan untuk mengukur konsep sendiri akademik bagi mata pelajaran Prinsip Akaun. Soal selidik yang menggunakan bahasa Melayu ini mengandungi

enam item yang mengukur persepsi pelajar dari segi penerangan tentang diri sendiri dan penilaian terhadap diri sendiri berkaitan dengan prestasi mereka dalam mata pelajaran Prinsip Akaun. Skala Likert enam mata digunakan untuk mendapatkan maklum balas subjek.

Skala berjarak antara (1) salah dan (6) benar. Pengiraan skor dibuat dengan mencari jumlah nilai semua item. Item nombor 3 merupakan item bernilai negatif. Apabila pengiraan skor dibuat, kedudukan nilai mata bagi item nombor 3 akan diterbalikkan. Skor bagi kedua-dua kumpulan subjek dibandingkan untuk melihat yang mana lebih tinggi. Julat skor yang boleh dicapai adalah antara 6 hingga 36 mata.

Kebolehpercayaan bagi ASDQ ialah 0.91 bagi kajian ke atas 13 mata pelajaran dan 0.92 bagi kajian ke atas 16 mata pelajaran (Marsh 1990). Nilai pekali Alpha Cronbach yang diperoleh dalam kajian ini adalah 0.85.

Pengalaman pembelajaran tradisional yang dilalui oleh pengkaji sebagai pelajar perakaunan mendorong pengkaji untuk mengenal pasti strategi pengajaran dan pembelajaran alternatif yang telah terbukti berkesan dalam mata pelajaran yang lain. Memandangkan strategi PK merupakan satu proses pengajaran dan pembelajaran yang baru bagi pelajar dalam kajian ini, maka pengkaji berminat untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang pelaksanaan strategi PK berdasarkan penceritaan pelajar dari pelbagai sudut.

Menurut Fraenkel dan Wallen (1996), kajian yang menggunakan data kualitatif sesuai dijalankan apabila tumpuan penyelidik adalah untuk memperoleh buah pemikiran subjek dari perspektif mereka. Denzin dan Lincoln (2000) pula berpendapat bahawa melalui pendekatan kualitatif, penyelidik berupaya mendapatkan perspektif subjek dengan lebih dekat melalui temu bual dan pemerhatian. Oleh kerana kajian ini melibatkan bilangan subjek yang agak ramai, maka pengkaji berpendapat soal selidik yang berbentuk soalan terbuka adalah lebih sesuai untuk mendapatkan pandangan pelajar berdasarkan penceritaan secara bertulis berbanding dengan temu bual. Soalan terbuka yang dirangka oleh pengkaji digunakan bagi mendapatkan maklum balas subjek berkenaan dengan pengalaman yang dilalui semasa pelaksanaan eksperimen di dalam kelas mereka.

## PROSEDUR KAJIAN

Setelah mendapat kebenaran untuk menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, pengkaji mengunjungi sekolah menengah akademik daerah Hulu Langat yang menawarkan kelas Prinsip Akaun. Tujuan kunjungan itu adalah untuk mendapatkan persetujuan guru kelas Prinsip Akaun dan kebenaran pengetua sekolah tersebut untuk terlibat dalam kajian ini. Seramai empat guru dan 295 pelajar bersetuju untuk memberi kerjasama dalam kajian ini.

Semasa cuti pertengahan tahun, tiga guru yang terlibat dalam kajian sebenar dan seorang guru yang terlibat dalam kajian rintis telah mengikuti sesi penerangan mengenai penggunaan PK selama satu hari. Sesi ini dikendalikan oleh seorang pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Pensyarah tersebut pernah mengikuti kursus PK yang dikendalikan oleh pelatih bertauliah dari Universiti Johns Hopkins, Amerika Syarikat. Guru yang tidak dapat hadir dalam sesi tersebut masih dikekalkan dalam kajian ini tetapi kelas Prinsip Akaun di bawah pengajaran beliau dimasukkan dalam kumpulan PT.

Setelah berbincang dengan guru yang terlibat, pengkaji menentukan tajuk yang diliputi sepanjang tempoh eksperimen. Bagi memastikan wujud keseragaman dalam setiap kelas yang terlibat, pengkaji menyediakan persediaan mengajar, nota rujukan pelajar, tugas, soalan kuiz dan bahan bantu mengajar. Sebelum kajian bermula, surat persetujuan ibu bapa diedarkan kepada semua pelajar.

### *Strategi Pembelajaran Koperatif*

Berdasarkan purata markah dalam beberapa ujian Prinsip Akaun yang diperoleh dalam semester satu, pelajar kumpulan PK dikategorikan kepada tiga kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada seorang pelajar berkebolehan tinggi, dua pelajar sederhana dan seorang pelajar berkebolehan rendah. Terdapat juga kumpulan yang terdiri daripada lima pelajar. Pemilihan ahli dalam setiap kumpulan ditentukan oleh pengkaji berdasarkan panduan yang diberikan oleh Slavin (1990).

Dalam minggu pertama, pelajar kumpulan PK diberi penerangan yang lebih mendalam tentang aktiviti PK oleh guru yang terlibat. Setiap kumpulan kecil diberi peluang untuk saling berkenalan dan berbincang tentang nama kumpulan, logo dan slogan kumpulan menggunakan sehelai kertas lukisan.

Aktiviti PK bermula dengan guru menyampaikan kandungan pelajaran untuk satu topik kecil dan memberi tunjuk ajar penyelesaian masalah. Seterusnya, pelajar diberi masa untuk membuat tugas secara berkumpulan di dalam kelas. Pelajar menyemak sendiri tugas mereka semasa guru membincangkannya di dalam kelas. Apabila selesai satu topik kecil, pelajar menjawab secara individu soalan kuiz pendek yang memakan masa 15 minit.

Markah kuiz yang diperolehi dalam bentuk peratus dibandingkan dengan skor asas pelajar. Skor asas pelajar adalah purata markah beberapa ujian prinsip akaun yang diperolehi dalam semester satu. Pengiraan mata untuk individu adalah berdasarkan perbezaan antara skor asas dengan skor kuiz dalam bentuk peratus. Jadual 1 menunjukkan pengiraan mata peningkatan bagi setiap pelajar.

JADUAL 1  
Pengiraan mata peningkatan individu

Jika skor kuiz:	Maka mata peningkatan adalah:
100%	30
lebih tinggi dari skor asas sebanyak 11 dan ke atas sama atau melebihi skor asas sehingga 10	30
lebih rendah dari skor asas tidak lebih dari 10	20
lebih rendah dari skor asas melebihi 10	10
	5

Untuk mengira skor kumpulan, mata peningkatan yang diterima oleh semua ahli dalam sesuatu kumpulan dijumlahkan dan dibahagikan dengan bilangan ahli kumpulan yang hadir ketika kuiz dijalankan. Pengiktirafan bagi kumpulan yang berjaya ditetapkan berdasarkan purata mata kumpulan.

Kumpulan yang berjaya memenuhi kriteria yang ditetapkan diberi penghargaan (Jadual 2). Satu pelekat bintang ditampal pada kertas lukisan kumpulan tersebut. Pelekat yang berbeza

JADUAL 2  
Pengiraan untuk penghargaan kumpulan

Purata Mata Kumpulan	Penghargaan
15 – 19	<i>Goodteam</i>
20 – 24	<i>Greatteam</i>
25 – 30	<i>Superteam</i>

diberikan berdasarkan pencapaian kumpulan. Aktiviti ini berulang bagi setiap topik yang diliputi sepanjang tempoh eksperimen. *Rajah 2* menggambarkan kitaran bagi aktiviti PK bagi setiap topik.

#### *Strategi Pembelajaran Tradisional*

Pelajar kumpulan pembelajaran tradisional (PT) yang juga sebagai kumpulan kawalan mengikut aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lazimnya diamalkan dalam kelas Prinsip Akaun. Aktiviti PT bermula dengan guru menyampaikan kandungan pelajaran untuk satu topik kecil dan memberi tunjuk ajar penyelesaian masalah. Seterusnya, pelajar diberi masa untuk membuat tugas secara individu dalam kelas. Pelajar menyemak sendiri tugas mereka semasa guru membincangkannya dalam kelas. Apabila selesai satu topik kecil, pelajar menjawab secara individu soalan kuiz pendek yang memakan masa 15 minit.

Pelajar diberikan markah kuiz dalam bentuk peratus sahaja. Tiada pengiraan skor individu mahupun apa-apa pengiktirafan dibuat di dalam kumpulan PT. Aktiviti ini berulang bagi setiap topik yang diliputi sepanjang tempoh eksperimen. *Rajah 3* menunjukkan kitaran aktiviti yang berlaku dalam kumpulan PT.

Sepanjang tempoh tersebut, pengkaji sentiasa membuat penyeliaan di dalam semua kelas sama ada kumpulan PK atau PT bagi memastikan pelaksanaan eksperimen berjalan seperti yang dirancang. Dari semasa ke semasa, pengkaji berbincang dengan guru yang terlibat bagi mengenal pasti masalah yang timbul dan cara mengatasinya.

Setelah tamat tempoh eksperimen, subjek menjawab soal selidik yang dikendalikan sendiri oleh pengkaji. Setelah memperkenalkan diri sebagai pelajar siswazah, pengkaji menerangkan kepentingan kajian tersebut dalam meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran Prinsip Akaun. Justeru itu, pelajar dijangka menjawab kesemua bahagian soal selidik dengan jujur dan tepat.



Rajah 2: Kitaran aktiviti di dalam kumpulan pembelajaran koperatif



Rajah 3: Kitaran aktiviti di dalam kumpulan pembelajaran tradisional

#### Penganalisan Data

Dalam kajian ini terdapat dua bentuk data yang diperoleh iaitu data kuantitatif dan data kualitatif. Data kuantitatif dikutip dengan menggunakan SKKA. Ujian-t digunakan bagi melihat sama ada terdapat perbezaan min antara kedua-dua kumpulan tersebut bagi konsep kendiri akademik. Manakala, data kualitatif diperoleh berdasarkan soal selidik yang berbentuk soalan terbuka. Data kualitatif dianalisis berdasarkan langkah-langkah yang dicadangkan oleh Strauss dan Corbin (1995). Maklum balas bertulis subjek dibaca berulang kali bagi mengenal pasti kategori utama yang terhasil. Sebagai contoh, berdasarkan soalan yang mengkehendaki subjek menceritakan pengalaman mereka mengikuti PK, pengkaji mendapati pengalaman subjek dapat dikategorikan kepada pengalaman positif, pengalaman bercampur dan pengalaman kurang menyenangkan.

Seterusnya, bagi setiap kategori tersebut, pengkaji mengenal pasti ciri pengalaman yang hampir serupa yang dinyatakan oleh subjek. Contohnya, berdasarkan pengalaman positif,

pengkaji mendapati subjek menceritakan pengalaman mereka sama ada dalam aspek berkaitan dengan pelajaran, hubungan mereka dengan rakan-rakan, aspek emosi atau suasana pembelajaran. Berdasarkan setiap aspek tersebut, pengkaji memperincikan lagi pengalaman subjek tentang apa yang dibincangkan di bawah setiap aspek.

Teknik analisis kandungan juga digunakan sepanjang proses menganalisis data kualitatif ini. Teknik analisis kandungan digunakan bagi menafsir secara tersurat dan tersirat maklum balas setiap subjek (Berg 1998). Dengan menggunakan teknik ini, pengkaji mengenal pasti frasa yang berulang dan melaporkan kategori atau ciri utama yang sesuai.

#### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Skor konsep kendiri akademik dikira dengan menjumlahkan skor yang diperoleh daripada keenam-enam item, iaitu antara 6 hingga 36. Bagi konsep kendiri akademik, tidak ada skor penengah yang membezakan konsep kendiri akademik yang dianggap tinggi dengan konsep kendiri akademik yang dianggap rendah.

Bagi membandingkan kesan strategi PK dan PT terhadap konsep sendiri akademik, hipotesis nol dinyatakan sebagai :

$H_0$ : Tidak terdapat perbezaan kesan strategi PK dan PT terhadap konsep sendiri akademik.

Analisis data menunjukkan bahawa min skor konsep sendiri akademik bagi kumpulan PK adalah 20.7 dengan sisihan piawai 5.43. Skor minimum yang diperoleh oleh kumpulan PK adalah 9 dan skor maksimum adalah 36. Manakala bagi kumpulan PT, min skor konsep sendiri akademik yang diperoleh lebih tinggi berbanding kumpulan PK iaitu 22.3 dengan sisihan piawai 6.03. Skor minimum konsep sendiri akademik kumpulan PT adalah 6 dan skor maksimum adalah 34.

Dapatan ujian-t menunjukkan perbezaan skor signifikan antara kumpulan PK dengan kumpulan PT dari segi min skor konsep sendiri akademik,  $t(206) = -1.98, p < 0.05$  (Jadual 3). Maka hipotesis nol,  $H_0$  telah ditolak. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan kesan strategi PK dan PT terhadap konsep sendiri akademik. Kumpulan PT didapati mempunyai mempunyai konsep sendiri akademik yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan PK. Ini bermakna strategi PK memberi kesan yang kurang memuaskan terhadap konsep sendiri akademik.

Dapatan kajian ini menunjukkan konsep sendiri akademik kumpulan PT lebih tinggi berbanding PK. Maka, dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian lepas yang menyatakan bahawa PK berupaya meningkatkan konsep sendiri pelajar (Gnagery *et al.* 1997). Kajian ini juga didapati tidak menyokong dapatan kajian yang melihat kesan PK ke atas konsep sendiri matematik yang dijalankan oleh Townsend, Moore, Tuck dan Wilton (1998). Hasil daripada kajian tersebut, mereka berpendapat dengan mewujudkan saling

bergantungan yang positif, dapat memberi peluang kepada pelajar untuk membuat perbandingan sosial yang baik terhadap kemahiran yang ada pada mereka. Dengan ini akan meningkatkan persepsi pelajar terhadap keupayaan matematik mereka.

Dalam membincangkan Model Kerangka Rujukan Dalaman dan Luaran, Marsh (1986) berpendapat pelajar mempunyai kerangka rujukan tertentu ketika membuat perbandingan sosial. Konsep sendiri pelajar dalam sesuatu mata pelajaran dipengaruhi oleh perbandingan yang dibuat dengan mata pelajaran lain, dan pada masa yang sama dipengaruhi juga oleh perbandingan yang dibuat dengan kebolehan rakan sekelas dalam mata pelajaran yang sama. Oleh kerana dalam PK wujud kumpulan kecil yang terdiri daripada pelajar yang memiliki tahap kebolehan yang berbeza-beza, maka pelajar membuat perbandingan kebolehan mereka dengan kebolehan rakan-rakan sekumpulan. Apa yang berlaku adalah, terdapat pelajar yang merasa rendah diri dan kurang berkeyakinan terhadap kebolehan mereka.

Bagaimanapun, ini tidak bermakna PK menyebabkan konsep sendiri akademik pelajar menjadi lebih rendah, kerana berdasarkan penganalisan data kualitatif menunjukkan daripada 122 pelajar yang mengikuti strategi PK, 70% daripada mereka menceritakan pengalaman positif yang dialami. Pengalaman tersebut sama ada dalam bentuk melahirkan rasa gembira atau menyatakan faedah yang mereka peroleh hasil daripada pengalaman tersebut. Berdasarkan pengalaman positif tersebut, pengkaji telah mengelaskan kebaikan atau manfaat yang diperoleh pelajar kepada tiga aspek utama. Aspek yang dimaksudkan adalah manfaat yang berkaitan dengan pelajaran (kognitif), kawan sekelas (sosial) dan sikap atau perasaan (afektif). Antara pengalaman positif yang dinyatakan oleh pelajar yang berkaitan dengan aspek afektif adalah dari segi merasa seronok mengikuti pembelajaran, lebih berminat untuk belajar, dapat

JADUAL 3  
Ujian-t bagi konsep sendiri akademik mengikut strategi pembelajaran

Strategi pembelajaran	Bilangan	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Darjah kebebasan	Signifikan
Pembelajaran koperatif	122	20.7	5.43	-1.98	206	$p < 0.05$
Pembelajaran tradisional	86	22.3	6.03			



meningkatkan keyakinan diri, situasi kelas tidak membosankan dan merasa tidak cepat berputus asa.

Aspek afektif yang pertama adalah dari segi perasaan seronok mengikuti pembelajaran di dalam kelas Prinsip Akaun. Pelajar kumpulan PK merasakan suasana di bawah strategi PK lebih menyeronokkan dan mereka rasa gembira untuk belajar. Ada yang mengaitkan perasaan seronok kerana berpeluang berbincang dan berinteraksi dengan rakan-rakan dengan lebih kerap. Terdapat juga yang merasa seronok kerana dengan strategi itu menyebabkan mereka lebih mudah memahami tajuk yang dipelajari dan dapat mengikuti pengajaran guru dengan lebih baik. Tidak kurang yang merasa seronok kerana ianya satu pengalaman baru yang menarik buat mereka berbanding strategi yang sebelum ini.

Aspek afektif yang kedua adalah berhubung dengan minat pelajar kumpulan PK. Pelajar mendapati mereka lebih berminat untuk belajar prinsip akaun setelah didedahkan dengan PK. Manakala aspek afektif yang ketiga adalah keyakinan diri pelajar kumpulan PK. Strategi PK mewujudkan suasana yang mendorong pelajar untuk menilai kekuatan dan kelemahan yang ada pada diri mereka. Selain daripada itu, pengalaman di bawah strategi PK membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri terhadap kebolehan mereka di dalam prinsip akaun. Ini dikaitkan dengan suasana yang membolehkan mereka berinteraksi dan membandingkan kebolehan mereka dengan rakan-rakan lain yang sebelum ini kurang dikenali serta cara pembelajaran yang lebih meningkatkan penguasaan mereka.

Aspek afektif yang keempat adalah dari segi situasi kelas yang tidak lagi membosankan. Di dalam PK, pelajar tidak lagi merasa bosan berada di dalam kelas. Pelajar merasa bosan apabila mereka tidak berupaya menyelesaikan tugas atau tidak memahami pengajaran guru. Sebaliknya, PK menggalakkan pelajar untuk berbincang dan bertanya kepada rakan sekumpulan dalam masalah pelajaran. Aspek afektif yang kelima adalah dari segi dapat membantu pelajar untuk tidak mudah putus asa di dalam pelajaran mereka. Hal ini mereka kaitkan dengan perasaan seronok ketika mengikuti strategi ini.

Berdasarkan dapatan yang membincangkan pengalaman pelajar kumpulan PK dari aspek afektif menunjukkan bahawa PK berupaya

menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran sebagai satu situasi yang menyeronokkan pelajar dan menyebabkan pelajar menjadi lebih berminat untuk belajar, serta memiliki sikap tidak mudah berputus asa. Pandangan-pandangan tersebut juga sejajar dengan komen-komen yang diberikan oleh subjek di dalam kajian Townsend *et al.* (1998) apabila 70% daripada mereka merasa lebih berkeyakinan dalam mata pelajaran matematik setelah mengikuti PK. Kesemua kesan afektif yang dinyatakan itu merupakan elemen dalam konsep kendiri akademik yang dikemukakan oleh Marsh (1990).

Bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat sebahagian kecil pelajar yang menyuarakan masalah yang timbul semasa pelaksanaan strategi PK. Antara masalah yang dihadapi yang berkaitan dengan aspek afektif adalah pelajar merasa tidak seronok dan bosan dalam pembelajaran, sikap mementingkan diri sendiri, malu untuk bertanya kepada rakan sekumpulan dan memandang rendah kepada ahli pencapaian rendah.

Masalah pertama adalah berhubung dengan perasaan tidak seronok dan bosan. Walaupun sebahagian besar pelajar kumpulan PK menyatakan mereka merasa seronok di bawah strategi PK, terdapat juga pelajar yang menyatakan mereka merasa tidak seronok tanpa memberikan sebab-sebabnya. Sebahagian kecil pelajar menyatakan perasaan bosan dengan PK kerana kurangnya kerjasama yang diberikan di dalam kumpulan mereka.

Segelintir pelajar menunjukkan sikap mementingkan diri sendiri menyebabkan mereka enggan memberikan kerjasama ketika aktiviti berkumpulan. Namun begitu, terdapat juga yang akhirnya dapat mengubah sikap tersebut. Tetapi dengan adanya sikap ini menyebabkan pelajar merasa tidak gembira berada dalam kumpulan mereka.

Selain daripada itu, terdapat pelajar yang tidak dapat menghilangkan perasaan malu untuk berinteraksi dengan rakan sekumpulan menyebabkan pelajar tidak berbincang dengan ahli kumpulan. Hal ini dikaitkan dengan perasaan kekok untuk berinteraksi dengan rakan yang berlainan jantina. Masalah lain adalah berhubung dengan reaksi negatif yang diberikan oleh rakan sekumpulan yang lebih berkebolehan menyebabkan pelajar yang pencapaian rendah merasa tersinggung. Ini menyebabkan pelajar merasa tidak gembira dengan kumpulan mereka.

Apa yang dapat dirumuskan di sini, terdapat pelajar yang memerlukan masa yang lebih lama untuk menghilangkan perasaan rendah diri ketika berinteraksi di dalam kumpulan kecil. Apabila diberi masa yang secukupnya serta melalui pergantungan positif dan interaksi sesama pelajar akan dapat membantu mereka dalam memahami sesuatu mata pelajaran. Maka, pelajar menjadi lebih yakin terhadap mata pelajaran tersebut dan membuat perbandingan sosial yang lebih positif. Berdasarkan Model Kerangka Rujukan Dalaman dan Luaran (Marsh 1986), perbandingan sosial yang positif akan membantu meningkatkan konsep sendiri akademik pelajar.

### RUMUSAN

Dapatan kajian menunjukkan konsep sendiri akademik kumpulan PT lebih tinggi dan signifikan berbanding kumpulan PK. Implikasi daripada dapatan ini adalah proses interaksi pelajar dengan ahli kumpulan yang lebih berkebolehan boleh menyebabkan pelajar membuat perbandingan dari segi kebolehan dan terdapat pelajar yang merasa rendah diri. Justeru, adalah sangat perlu untuk pelajar diberi peluang untuk saling kenal-mengenal sesama ahli kumpulan dalam suasana yang lebih terancang. Dengan kata lain, guru perlu mewujudkan lebih banyak aktiviti yang dapat membina hubungan baik sesama ahli kumpulan. Apabila pelajar saling kenal-mengenal dan mempunyai hubungan erat dalam satu kumpulan, mereka dapat mewujudkan satu identiti kumpulan iaitu kebolehan individu dan usaha secara bersama bergabung mewujudkan satu tahap kebolehan kumpulan. Pelajar yang berkebolehan rendah akan cenderung mengukur kebolehan kumpulan sebagai kebolehan individu, yang membantu meningkatkan konsep sendiri akademik pelajar.

### RUJUKAN

ALLEN, W. H. dan R. L. VANSICKLE. 1984. Learning teams and low achievers. *Social Education* 48: 60-64.

BERG, B. L. 1998. *Qualitative Research Methods for the Social Sciences*. 3<sup>rd</sup> ed. Boston: Allyn and Bacon.

BYRNE, B. M. 1984. The general/academic self-concept nomological network: A review of construct validation research. *Review of Educational Research* 54(3): 427-456.

DENZIN, N. K. dan Y. S. LINCOLN. 2000. Introduction: The discipline and practice of qualitative research. Dalam *Handbook of Qualitative Research*, disunting oleh N. K. Denzin dan Y. S. Lincoln. Edisi Kedua. Thousand Oaks, California: Sage Publications, Inc.

FRAENKEL, J. R. dan N. E. WALLEN. 1996. *How to Design and Evaluate Research in Education*. Edisi Ketiga. New York: McGraw-Hill, Inc.

GNAGERY, W. J., K. B. SARLES dan T. R. SARVER. 1997. Correlates of self-concept in collaborative learning. ERIC Document Reproduction Service No. ED 413812.

GROBLER, A. C., A. A. GROBLER dan K. G. F. ESTERHUYSE. 2001. Some predictors of mathematics achievement among black secondary school learners. *South African Journal of Psychology* 31(4): 48-55.

JACOBS, D. L., T. G. WATSON dan J. P. SUTTON. 1996. Effects of a cooperative learning method on mathematics achievement and affective outcomes of students in a private elementary school. *Journal of Research and Development in Education* 29(4): 195-202.

LYNCH, R. 1991. Cooperative learning, self-concept and academic achievement: A theoretical argument for self-concept as mediating the relationship between cooperative learning and academic achievement. ERIC Document Reproduction Service No. ED 359278.

MARSH, H. W. 1986. Verbal and math self-concepts: an internal/external frame of reference model. *American Educational Research Journal* 23(1): 129-149.

MARSH, H. W. 1990. The structure of academic self-concept: The Marsh/Shavelson model. *Journal of Educational Psychology* 82(4): 623-636.

MARSH, H. W. 1992. Content specificity of relations between academic achievement and academic self-concept. *Journal of Educational Psychology* 84(1): 35-42.

MARSH, H. W., B. M. BYRNE dan R. J. SHAVELSON. 1988. A multifaceted academic self-concept: Its hierarchical structure and its relation to academic achievement. *Journal of Educational Psychology* 80(3): 366-380.

PURKEY, W. W. 1970. *Introduction to Theories of the Self: Self-concept and School Achievement*. hlm. 1-13. Massachusetts: Allyn & Bacon.

- SHAVELSON, R. J., J. J. HUBNER dan G. C. STANTON. 1976. Self-concept: Validation of construct interpretations. *Review of Educational Research* **46(3)**: 407-441.
- SIDEK MOHD NOAH dan ADNAN BIN ABU BAKAR. 2000. Konsep kendiri di kalangan pelatih-pelatih institusi pemulihan kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Jurnal Kebajikan* **22(2)**: [www.kempadu.gov.my/jkm/jurnal/dis%202000/jurnal\\_4\\_dis2000.htm](http://www.kempadu.gov.my/jkm/jurnal/dis%202000/jurnal_4_dis2000.htm)
- SLAVIN, R. E. 1983. When does cooperative learning increase student achievement? *Psychological Bulletin* **94(3)**: 429-445.
- SLAVIN, R. E. 1990. *Cooperative Learning: Theory, Research and Practice*. Massachusetts: Allyn & Bacon.
- STRAUSS, A. dan J. CORBIN. 1995. *Basics of Qualitative Research: Grounded Theory, Procedures and Techniques*. London: Sage Publications.
- TOWNSEND, M. A. R., D. W. MOORE, B. F. TUCK dan K. M. WILTON. 1998. Self-concept and anxiety in university students studying science statistics within a co-operative learning structure. *Educational Psychology* **18(1)**: 41-54.

(Diterima: 8 November 2002)